

14/09/1998

Ketua Pemuda tidak wajar dipecat

BUKIT MERTAJAM, Ahad - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, tidak wajar dipecat daripada Umno semata-mata kerana menyokong dan komited terhadap gerakan reformasi yang diterajunya.

Menurutnya, Umno adalah satu parti yang selama ini mendukung reformasi dari penjajahan sehingga merdeka dan daripada undang-undang kuku besi kepada peraturan undang-undang.

Beliau yang dilucutkan daripada jawatan Kabinet dan dipecat keahliannya awal bulan ini, menyifatkan adalah tidak munasabah untuk memecat Zahid hanya kerana beliau mendukung keperluan reformasi.

"Malah, Dr Mahathir juga berulang kali dalam ucapannya sejak berpuluh tahun memperkatakan mengenai reformasi. Cuma sekarang, reformasi ditakuti sebab ia dikaitkan dengan perubahan kepimpinan.

"Jadi, mengapa Umno dilarang membicarakan soal reformasi atau islah atau pembaharuan," katanya kepada pemberita di kediamannya di Kampung Cherok To'kun di sini, hari ini.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh, mulai semalam mengadakan penjelajahan ke utara Semenanjung untuk menjelaskan isu pemecatan beliau.

Beliau juga tidak setuju dengan tindakan beberapa Exco Pemuda Umno yang mengugut Zahid supaya meletakkan jawatan, semata-mata untuk mempertahankan kedudukan masing-masing.

Menurutnya, beliau tahu sikap dan kebencian peribadi Dr Mahathir terhadap Zahid, terutama apabila membangkitkan isu nepotisme, kronisme dan rasuah.

"Tetapi, perlu dijelaskan dan atas nama perpaduan parti, saya juga menasihatkan Zahid supaya meredakan kenyataan itu, bukan sebab tidak yakin, tetapi sekadar untuk menjaga keharmonian dan perpaduan parti," katanya.

(END)